

Dari Sebulan ke Sebulan

Alex Josey telah selamat dan sempurna disingkirkan oleh kerajaan pusat daripada tanah air kita ini sekali pun pencinta-pencinta Alex Josey dari *Tiger Standard* dahulu bertegang urat mempertahankan dan menitik air mata apabila Alex Josey berpisah dengannya di Lapangan Terbang Singapura. Pada masa mereka di *Tiger Standard* lagi daripada masa pembakaran Qalam dan Warta, mereka berdua bermati-mati menindas apa yang dinamakan perkauman yang dipertahankan oleh orang-orang Melayu yang punya negeri ini menuntut haknya daripada dibahagi-bahagi dan disamaratakan oleh anak-anak dagang. Kesan daripada peristiwa itu tidak dapat dilupakan oleh sesiapa pun dan sepatutnya orang-orang Melayu pada masa itu telah pun bertindak menghalau Alex Josey. Tetapi malangnya mereka tidak menyedari bencana-bencana yang akan timbul daripada tindak tanduknya hingga menimbulkan peristiwa yang berlaku sekarang, semakin hari semakin berani mencapak dan mencabar setelah ia berasa bahawa pendiriannya kuat dan telah dapat mendampingi kerajaan PETIR Singapura yang di dalamnya sahabat lamanya Tuan Rajaratnam berpengaruh besar dan mungkin, siapa tahu, Alex Josey itulah yang menjadi tali perhubungan di antara kerajaan (PETIR) dengan orang-orang luar untuk melaksanakan suatu dasar yang terkenal pecah-pecahan kemudian perintah.

* * *

Perkauman ialah suatu perkataan yang dijadikan suatu alat politik yang besar di dalam Tanah Melayu semenjak daripada dahulu lagi. Dengan perkataan perkauman itulah, kalau ada sesuatu gerakan yang dijalankan menuntut hak

kemelayuan bagi meruntuhkan gerakan itu, dan dengan perkataan perkauman itulah digunakan mereka mengkolot-kolotkan suatu gerak yang menuntut hak kepunyaan mereka sebagaimana yang dibuat oleh En. Rahim Ishak dengan katanya perjuangan-perjuangan perkauman itu adalah perjuangan kolot dan merbahaya. Senjata ini ialah senjata pembunuh bagi sesuatu golongan dan dengan senjata inilah pula sebahagian orang yang gila pangkat dan gila politik telah “menjual tanah air” mereka kepada orang-orang asing yang asalnya menumpang di negeri ini yang melupakan sama sekali hak-hak ketuanan negeri ini dan orang-orang yang gila politik dan gila pangkat itulah kelak yang akan bertanggungjawab di hadapan *Rabbu al-Jalil* kerana mereka itulah yang menyetujui “perdamaian” dengan lain-lain bangsa yang mendatang untuk bersama-sama berhak di dalam negeri ini dan akibatnya orang-orang Islam di negeri ini menjadi penumpang di tanah airnya.

* * *

Dalam temuramahnya dengan wartawan-wartawan Amerika Gamal Abdel Nasser Ketua Republik Jamhuriah Arab Bersatu tatkala menjawab satu pertanyaan tentang tidak adakah jalan damai menyelesaikan persoalan Palestin - beliau berkata: “Kalau California di Amerika itu orang-orangnya dahulu keluar dan harta bendanya dirampas dan yang mendatang itu duduk di sana, bagaimakah orang-orang Amerika berbuat kepada mereka.” Wartawan-wartawan itu terdiam. Jawapan ini ertiinya, kalau penduduk dahulu daripada negerinya maka tidak ada jalan damai atasnya - perjuangan mesti dijalankan apa lagi, menurut segi ajaran Islam perkara yang sedemikian ini dituntut supaya umat Islam berjihad di atasnya.

Allah menyuruh tiap-tiap umat Islam berbuat baik kepada jirannya (orang yang bukan Islam) selagi mereka itu tidak mengganggu dan mengacau hal ehwal mereka dan tidak menghalau mereka. Tetapi Islam menuntut kalau mereka dahulu maka wajib mereka berjihad untuk mempertahankan hak-hak dan kedudukan mereka. Perkara ini hendaklah disedari oleh pemimpin-pemimpin yang beragama Islam di Tanah Melayu ini di dalam masa menghadapi aliran siasah sosialis sama ada kiri atau pun kanan yang sifatnya sama, yang hidupnya terletak bertuhankan kepada kebendaan dan tidak bertuhankan kepada Tuhan yang esa sebagaimana adanya di dalam pegangan dan anjuran Islam.

* * *

Semboyan untuk menghilangkan corak perkauman yang dianjur-anjurkan oleh Lee Kuan Yew dengan semboyannya *Malaysia Untuk Malaysia* di Tanah Melayu ini adalah menjadi suatu pertanyaan adakah yang demikian ini mungkin terlaksana? Di dalam Amerika semboyannya Amerika bagi orang Amerika - kerana bangsa-bangsanya yang menduduki di sana bercampur yang mungkin juga banyaknya lebih daripada kita di sini. Mereka boleh dikata seluruhnya beragama Kristian - kalau ada pun agama-agama lain sedikit jua - umpama melukut di tepi gantang tetapi persoalan kulit hingga hari ini menjadi suatu soal yang terus-menerus berlaku hingga sekarang ini. Agama mereka satu tetapi beratus tahun lamanya mereka masih sekandang tak sebau.

Di Malaysia perbezaan bukan sahaja kulit.

Kebudayaannya berlainan, adat hidup berlainan dan cara hidupnya berlainan. Seorang Cina umpamanya, tidak memandang jijik dan tidak memandang kurang adab kalau tengah makan ia berkahak tetapi penduduk lain marah dan jijik melihat perbuatan yang demikian itu. Selain daripada itu dua penduduk ramai yang menduduki negeri

ini ialah orang-orang Cina - beragama menyembah api dan beragama Kristian sedang yang segolongan lagi beragama Islam. Peraturan hidupnya lain, cara hidupnya lain dan tidak dapat dicampurkan - ertiinya sekandang tak sebau. Dengan kerana itu terang dan jelas satu golongan kasih mengasihi dengan golongan masing-masing dan kalau golongan itu dapat memerintah maka diambilnya seorang berdua golongan yang tidak memerintah yang berlainan cara hidupnya untuk dijadikannya alat sebagai topeng konon-kononnya ia tidak membeza-bezakan satu golongan dengan satu golongan itu tetapi hakikatnya, yang umum diketahui pilih kasih tentu ada dan "pertolongan" itu hanya di mulut dan kalau ada pun hanya melepaskan batuk di tangga sahaja.

Lebih-lebih lagi sulit perbezaan agama. Ada golongan-golongan yang menganjurkan kahwin campuran. Bagaimanakah boleh dicampurkan perkahwinan yang bukan Islam dengan seorang Islam? Ini kalau dipaksakan padahnya sangat besar - boleh menumpahkan darah dan yang jelasnya ini tidak akan mungkin berlaku selagi yang bukan Islam itu tidak mahu masuk Islam dan jangan diharap orang Islam akan mahu membuang agamanya kerana menyampaikan cita-cita politik dan maksud yang demikian itu telah menjadi tabiat kepada orang Islam walau dibunuh sekalipun mereka tidak akan membuang dan menyingkirkan agamanya walau hidup mereka menderita. Orang-orang Islam tidak dapat disuap dengan wang sebagaimana lain-lain golongan yang dilakukan oleh Kristian untuk memeluk agama mereka dengan keadaan ini bolehkah jalan cita-cita Malaysia bagi Malaysiana yang hendak dilakukan dengan tergesa-gesa oleh Lee Kuan Yew?

* * *

Rancangan Lee Kuan Yew dengan Malaysia Malaysiananya ini, sebagaimana yang tersebut di atas, dengan tidak

mempertimbangkan dan menyelidiki lebih dahulu, tidak lain caranya daripada hendakkan gembar-gembur dan menjalankan siasah cara penajah, pecah-pecah kemudian perintah. Kalau betul ini mungkin akan timbul pertanyaan, adakah yang dikehendaki pecah-pecah dan perintah itu oleh Lee Kuan Yew? Kalau ini betul maka tentulah menimbulkan syak pelaksanaan itu tentulah ada kehendak dari seorang tuan dan tuan itu menjadi suatu pertanyaan yang sulit pula hendak menjawabnya.

* * *

Menteri Pelajaran Malaysia En. Mohamed Khir

Johari telah mengemukakan bahawa beliau akan memeriksa sampai di mana sudah *Malaysian Mirror* telah dihantar di sekolah-sekolah di Persekutuan Tanah Melayu. Sebabnya ialah beliau mendapati bahawa kandungan majalah *Malaysian Mirror* itu, yang disiarkan sebagai siaran Kementerian Kebudayaan Singapura adalah mengandungi dakyah-dakyah politik kerajaan yang memerintah yang menentang dan selalu bertentangan dengan dasar-dasar kerajaan pusat. Sepatutnya En. Khir menyegerakan langkah-langkah itu dan mengharamkan terus siaran-siaran itu disampaikan di sekolah-sekolah di Persekutuan Tanah Melayu dengan tidak mempedulikan lagi apa-apa teguran dari pihak kerajaan Singapura kerana kerajaan Singapura tidak berhak di atas Jabatan Pelajaran di Persekutuan Tanah Melayu, apa lagi sememangnya sifat majalah itu kandungannya tidak lain “masuk bakul angkat sendiri”.

Kelanjutan memperkatakan majalah ini maka timbul suatu persoalan siapakah yang punya majalah ini. Majalah dicetak di percetakan kerajaan Singapura dan terletak di bawah Kementerian Kebudayaan. Kementerian Kebudayaan adalah tertakluk kepada Kementerian Kebudayaan di pusat - kerana di Singapura hak autonomi kepada kementerian iaitu Buruh dan Pelajaran. Bersamaan dengan Radio maka kandungannya

kebanyakannya mencabar pusat - ertiinya bercakar sama sendiri - anak mencakar bapa iaitu suatu perbuatan yang tidak patut. Tidak boleh berdetik sedikit terus dicakar - inilah cara yang dibuat oleh PETIR. Di mana ada peluang diambil dan bercakap untuk mendirikan benang basah dengan suatu kaedah walau pun benda yang salah akan menjadi betul jika selalu dipasangkan ke telinga orang.

Dicetak dipercetakan kerajaan. Biasanya kerajaan tidak akan mencetak selain daripada percetakan kerajaan.

Dengan itu jelas bahawa dakyah PETIR di dalam majalah itu ada dakyah pucuma¹ yang perbelanjaannya dipikul daripada cukai-cukai rakyat. Kalau telahan ini benar maka wang rakyat telah digunakan untuk dakyah PETIR sebagaimana juga televisyen dan radio daripada wang rakyat digunakan untuk dakyah PETIR. Demikian itulah pula barangkali takut orang membongkar-bongkar, persidangan *assembly* hanya bersidang setahun dua kali.

* * *

Akhbar-akhbar luar negeri terutamanya Britain telah menuduh kerajaan Malaysia mengenai pengusiran Alex Josey dengan tidak ada alasan yang *ma'qūl* selain daripada menyampaikan tuntutan pemuda-pemuda UMNO untuk menghalauinya. Mereka rupanya menganggap Alex Josey itu orang baik terutamanya kerana ia menjadi “anak emas” Lee Kuan Yew. Ke sana sini dibawa oleh Lee Kuan Yew, jika berjalan ke luar negeri sehingga sampai di Kaherah menjumpai Gamal Abdel Nasser. Untungnya juga ketika tiba di Mesir En. Mohamed Khir Johari tulupa² hendak menghabarkan kepada Gamal Abdel Nasser bahawa pengiring Lee Kuan Yew itu boleh jadi seorang Yahudi (melihat kepada tokoh dan rupanya). Kalau Gamal Abdel Nasser tahu mungkin ia tak diterima tetapi rupanya Harry Lee ada “ilmu” pandai menyeludupkan Alex Josey hingga boleh menghadap Gamal Abdel Nasser. Mengapa diributkan tentang Alex Josey

¹ Perkataan sebenarnya ialah percuma

² Perkataan sebenarnya ialah terlupa

dahulu keluar pada hal banyak negeri yang menghalau wartawan-wartawan nakal daripada negeri mereka.

Roeslan Abdulgani dari Indonesia mencela pula penghalauan wartawan Alex Josey. Lupakah orang kepada peristiwa wartawan Amerika dahulu kerana mengambil gambar Sukarno dikerumuni tentera kerana mengawalnya kerana ketakutan kena bunuh? Lupakah orang kepada peristiwa beberapa banyak wartawan asing yang dikeluarkan dari Indonesia dan adakah orang tidak tahu bahawa wartawan-wartawan yang ada di Indonesia sekarang hanya wartawan-wartawan “kulon inggih” sahaja kerana wartawan-wartawan lain dikurung dan ditangkap.

Jangan mengata dulang, paku serpih.

* * *

Pertubuhan-pertubuhan Buruh di Malaysia masih menunjukkan keras kepala tidak mahu mengerti dan tidak mahu bekerjasama dengan kerajaan tentang pengharaman mogok di atas jabatan-jabatan yang mustahak. Kerajaan pusat berkali-kali menerangkan bahawa kedudukan negara sekarang ini di dalam darurat. Kalau mogok dibiarkan mungkin jentera kerajaan tidak akan dapat dijalankan dan negara akan lumpuh dengan kerana perbuatan orang-orang dari dalam. Mungkin pula orang-orang dari dalam itu boleh diupah untuk melumpuhkan jentera kerajaan kalau mogok dihalalkan. Sepatutnya pertubuhan-pertubuhan buruh menyokong langkahan-langkahan itu dan memberi pengorbanan untuk kebaikan negara dengan mengorbankan muslihat diri sendiri. Jika orang ramai telah diminta berkorban dengan berbagai-bagai cukai, mengapa pula buruh tidak boleh memberi pengorbanan dengan melucutkan senjata mogoknya bagi maslahat negara? Tidak ada kerugian yang didapat bahkan kerajaan Malaysia sungguh pun tanggungannya berat masih juga memikirkan maslahat-maslahat yang baik untuk buruh. Orang ramai berpendapat dan meminta janganlah diberi betis hendakkan peha - bermanja ada sempadan dan tempatnya.

Datuk Al-Syed Jaafar Albar di dalam salah satu ucapannya di antara lain khabarnya mengatakan walaupun dikatakan atasnya- *chauvinis*, pelampau dan sebagainya namun ia tetap akan memperjuangkan hak-hak dan maslahat orang-orang Melayu. Langkah Datuk Albar ini telah tepat dan benar tetapi mungkin pula sudah terlambat sedikit kerana jika yang demikian itu diperjuangkan bersama-sama pada masa yang lalu tentulah tidak sepayah ini memperjuangkan hak dan maslahat orang Melayu.

Dikatakan terlambat kerana orang ramai melihat bahawa sangat sulit berjuang kalau pemimpin yang dipatuhi kata-katanya terlampau sangat berlembut dan terlampau sangat memberi muka sehingga menjadi tabiat apabila ada ketegangan pemimpin terkemuka berlembut memberi dan memberi sehingga sebagaimana kata En. Senu, tidak ada benda lagi yang hendak diberikan oleh orang-orang Melayu. begitulah sulitnya memperjuangkan hak dan maslahat orang Melayu yang patut difikirkan bersama oleh golongan-golongan orang Melayu sendiri, dan hendaklah dilupakan di dalam menghadapi suasana yang ada sekarang perselisihan di antara kita sesama kita, buangkan yang keruh ambil yang jernih dan bersatu padu menghadapi bahaya-bahaya yang ditakuti oleh seluruh dunia terutamanya di barat iaitu “ Bahaya Kuning”.



Allah Mengasihi Orang yang Berbuat Baik

Orang-orang yang membelanjakan hartanya semasa senang dan susah, orang-orang yang sabar menahan marah, dan orang-orang yang pemaaf terhadap kesalahan manusia (ketiga macam golongan itu adalah orang-orang yang takwa kepada Allah) dan Allah mengasihi akan orang-orang yang berbuat kebajikan.- (makna ayat)

* * *